

Ahad – 13 September 2020

Halaman : 37

Hasil Jalur Gemilang guna 2,430 cap tapak tangan

Idea kreatif murid Orang Asli

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA PILAH: Sempena sambutan Hari Kebangsaan 2020, murid-murid Sekolah Kebangsaan (SK) Senibai, Johol dekat sini tidak ketinggalan menzahirkan semangat patriotisme mereka menerusi penghasilan Jalur Gemilang sepanjang 15 meter.

Lebih menarik, murid-murid yang terdiri dalam kalangan masyarakat Orang Asli itu tampil kreatif dengan idea menggunakan

2,430 cap tapak tangan bagi menghasilkan bendera tersebut.

Guru Besar SK Senibai, Su haimi Itam, 53, berkata, idea menggunakan cap tapak tangan itu tercetus semasa merancang mengadakan sambutan Hari Kemerdekaan peringkat sekolah tahun ini.

“Sebenarnya, kami mahu menghasilkan bendera sepanjang 150 meter tetapi kos agak tinggi. Jadi, tampil idea secara spontan untuk menggunakan tapak tangan pelajar dan guru sekolah ini untuk ‘ditekap’ pada

bendera Malaysia sepanjang 15 meter.

“Kami mengambil masa seminggu menyiapkan Jalur Gemilang dengan kos sebanyak RM400 bagi membeli kain dan pewarna cat mural untuk menghasilkan bendera setinggi bangunan sekolah empat tingkat ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-63 Peringkat SK Senibai, Johol dekat sini, kelmarin.

Menurut Su haimi, seramai

114 pelajar dan 16 guru terlibat menyiapkan Jalur Gemilang tersebut.

“Saya melihat aktiviti seperti ini memberi impak kepada murid-murid kerana dapat melihat mereka bekerjasama bagi menyiapkan Jalur Gemilang.

“Murid-murid ini juga sendiri dapat melihat bagaimana sukaranya menaikkan Jalur Gemilang setinggi bangunan empat tingkat. Ia terjatuh dan kami mencuba sekali lagi sehingga berjaya, semangat itu juga yang kita mahu,” katanya.



SEBAHAGIAN murid bersama guru bergambar dengan Jalur Gemilang yang dicap menggunakan tapak tangan semasa Sambutan Bulan Kemerdekaan di SK Senibai, Johol, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, kelmarin.